

TATAKELAKUAN PERNIAGAAN

KEMAS KINI 2024

Groupe
L'OCCITANE



TATAKELAKUAN PERNIAGAAN

KEMAS KINI 2024

Di L'OCCITANE Group kami percaya bahawa dengan pemerkasaan, kami boleh memberi impak positif kepada pekerja dan memulihkan alam semula jadi. Inilah misi kami dan sebab mengapa kami menggalakkan semangat keusahawanan – pemikiran yang boleh diterapkan oleh sesiapa sahaja. Kami memupuk kepakaran dengan menyokong kerjasama dan inovasi serta kami memperkasakan pekerja dalam komuniti kami untuk menjaga alam semula jadi dan bertindak demi planet ini.

Alam semula jadi adalah inspirasi kami dan kami sedar bahawa aktiviti kami bergantung padanya. L'OCCITANE Group kami komited untuk melabur dalam komuniti, biodiversiti, mengurangkan sisa dan mencari penyelesaian pemuliharan semula demi mewujudkan planet yang lebih baik dan sihat.

Kami juga ingin menegaskan semula sokongan kami terhadap 10 prinsip Global Compact Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kami telah berikrar untuk menghormati kesemua prinsip teras, yang berkaitan dengan hak asasi manusia, keadaan kerja, perlindungan alam sekitar dan memerangi rasuah. Prinsip-prinsip ini merupakan asas kepada dasar alam sekitar, sosial dan kerajaan korporat kami, dan ia juga membimbing pembangunan berterusan kami dalam bidang ini.

Reinold Geiger
Pengerusi L'OCCITANE Group

L'OCCITANE Group mencipta, membangunkan dan menjual produk kosmetik yang menghormati masyarakat dan alam semula jadi. Cita-cita kami adalah untuk menjadi salah satu Kumpulan terkemuka dalam segmen kecantikan semula jadi.

L'OCCITANE Group sangat komited untuk membangunkan dan mengedarkan produk berkualiti tinggi. Cara kami menjalankan perniagaan melibatkan tanggungjawab, dengan fokus pada kesan global terhadap alam sekitar dan masyarakat. Integriti dan kebertanggungjawapan merupakan teras kepada aktiviti L'OCCITANE Group.

Tunjang Tatakelakuan Perniagaan L'OCCITANE Group terletak pada pelaksanaan nilai dan prinsip dalam semua amalan kami. Kami mengharapkan perkara yang sama daripada semua yang berhubung dengan syarikat kami, perkhidmatannya atau rantaian nilainya.

Tatakelakuan Perniagaan kami menerangkan nilai, tindakan dan tingkah laku yang diharapkan daripada semua yang diambil bekerja oleh, mewakili atau terlibat dengan L'OCCITANE Group.

Kandungan dasar ini mestilah dihormati dari segi bertulis atau lisan. Dasar ini tidak menyeluruh, tetapi ia menyediakan asas penting untuk rasa tanggungjawab setiap orang. Jika ragu-ragu, prinsip berjaga-jaga ‘tidak mendatangkan kemudarat’ kepada mereka yang terjejas mesti diterapkan.

Tatakelakuan Perniagaan kami selaras dengan konvensyen antarabangsa yang dipersetujui mengenai hak asasi manusia, hak pekerja dan perlindungan alam sekitar, termasuk Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia dan Deklarasi Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), konvensyen ILO, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) prinsip panduan untuk perniagaan, serta konvensyen UN mengenai alam sekitar dan kesihatan manusia.

NILAI KAMI

Keusahawanan ialah keupayaan memberi makna kepada kerja yang kita lakukan, mengambil inisiatif dan risiko yang dikira, serta berinovasi dan menyesuaikan diri dalam persekitaran yang sentiasa berubah.

ELEMEN TERAS: Inisiatif – Pragmatisme – Kebolehsuaian – Ketangkasan

Semangat pasukan ialah keupayaan untuk bekerjasama dan berkolaborasi dengan orang lain, untuk mencapai matlamat bersama dan bekerja secara autonomi dalam rangka kerja.

ELEMEN TERAS: Kepercayaan – Sokongan – Kerjasama – Pencapaian

Memimpin melalui teladan bermakna berkelakuan seperti apa yang diharapkan daripada orang lain. Mengambil tanggungjawab dan menetapkan standard yang tinggi untuk diri sendiri adalah cara terbaik untuk mempengaruhi orang lain secara positif.

ELEMEN TERAS: Kebertanggungjawapan – Integriti – Hormat – Standard yang Tinggi

Ketulenan ialah kualiti merendah diri, ikhlas dan telus dalam cara seseorang berkelakuan dan berkomunikasi.

ELEMEN TERAS: Rendah Diri – Ketelusan – Kesederhanaan – Maklum Balas

PRINSIP KAMI

BURUH

- **Waktu kerja yang wajar:** Mematuhi undang-undang dan piawaian antarabangsa berkenaan waktu bekerja dan hak pekerja supaya dapat menyeimbangkan waktu kerja kehidupan peribadi mereka.
- **Ganjaran yang adil:** Menghormati hak pekerja untuk menerima ganjaran yang adil.
- **Kebebasan berpersatuan dan perundingan kolektif:** Menghormati hak pekerja untuk membentuk kesatuan sekerja atau persatuan pekerja lain dan terlibat dalam perundingan kolektif.
- **Kerja yang dipilih secara bebas:** Jangan terlibat dalam sebarang bentuk buruh paksa, pemerdagangan, atau kerja tanpa rela.
- **Layanan berperikemanusiaan:** Pekerja dilayan dengan bermaruah dan dihormati. Mereka tidak boleh diberikan layanan yang tidak berperikemanusiaan atau merendahkan martabat, hukuman dera, paksaan secara mental atau fizikal dan/atau penderaan lisan, termasuk apa-apa bentuk gangguan.
- **Pembangunan sumber manusia:** Mencari, menjamin, membimbing serta membangunkan bakat dan keinginan pekerja yang sesuai dengan keperluan operasi dan matlamat syarikat.
- **Tiada buruk kanak-kanak:** Jangan ambil pekerja di bawah umur minimum yang sah.
- **Tiada diskriminasi:** Memberi peluang sama rata dan jangan mendiskriminasikan pekerja berdasarkan jantina, umur, orientasi seksual, kepercayaan agama, keyakinan politik, identiti atau ekspresi jantina, budaya, asal usul, warna kulit, kecacatan, kewarganegaraan, peringkat kehidupan atau apa-apa ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang yang terpakai.

- **Kepelbagai dan keterangkuman:** Mewujudkan tempat kerja yang pelbagai dan terangkum, berasaskan tingkah laku beretika dengan menghormati individu dari semua latar belakang, kemampuan dan pendapat.
- **Tiada pekerjaan yang berbahaya:** Mengambil pekerja berdasarkan kontrak yang didokumentasikan dan boleh difahami mengikut undang-undang dan piawaian antarabangsa.
- **Perlindungan khas untuk pekerja muda:** Menyediakan perlindungan khas kepada mana-mana pekerja yang belum mencapai umur dewasa.

KESIHATAN DAN KESELAMATAN

- **Perlindungan kesihatan pengguna:** Mengawal pendedahan pengguna kepada bahaya yang mungkin berlaku melalui reka bentuk, pengeluaran dan komunikasi yang betul.
- **Sanitasi, makanan dan tempat tinggal yang mencukupi:** Menyediakan akses kemudahan tandas yang bersih, air minuman dan jika perlu, makanan dan tempat tinggal yang bersih.
- **Persediaan kecemasan:** Meminimumkan bahaya kepada kehidupan, alam sekitar dan harta benda dalam situasi kecemasan dan kejadian yang mungkin berlaku.
- **Perlindungan kebersihan industri:** Meminimumkan dan mengawal pendedahan agen kimia, biologi dan fizikal.
- **Pencegahan kecederaan dan penyakit berkaitan dengan pekerjaan:** Mencegah dan meminimumkan kecederaan dan penyakit berkaitan pekerjaan.
- **Perlindungan keselamatan pekerjaan:** Meminimumkan dan mengawal pendedahan kepada bahaya keselamatan yang mungkin berlaku melalui reka bentuk, kejuruteraan, kawalan pentadbiran yang betul dan latihan keselamatan yang berterusan.

ALAM SEKITAR

- **Pengurangan perubahan iklim serta perlindungan dan pemulihian biodiversiti:** Menyumbang kepada dunia sifar bersih karbon dan positif terhadap alam semula jadi dengan:
 - **mengurangkan pelepasan gas rumah hijau** dalam rantaian nilai;
 - **penggunaan sumber yang mampan:** mengurangkan atau menghapuskan penggunaan tenaga dan sumber pada sumbernya, menggunakan tenaga berimpak rendah, menjelak dan menggunakan bahan mentah dan komponen yang mampan, serta mengehadkan penggunaan air;
 - **peminuman pencemaran:** mengurangkan atau menghapuskan sisa bagi semua jenis sumber, mengitar semula sebanyak yang mungkin, mewujudkan ekonomi kitaran, mengawal dan merawat pelepasan udara, bahan berbahaya, air sisa dan sisa pepejal sebelum dilupuskan;
 - **sumbang positif** untuk melindungi dan memulihkan biodiversiti, meningkatkan penyerapan karbon dan mengelakkan penebangan hutan, sama ada di dalam dan di luar rantaian nilai.
- **Penggunaan bahan yang bagus:** Mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai berkenaan larangan atau sekatan terhadap bahan tertentu dalam produk.
- **Tiada penggunaan haiwan:** Meminimumkan penggunaan apa-apa bahan atau produk yang berasal daripada haiwan, kecuali daripada sarang lebah. Jangan membuat ujian ke atas haiwan dalam pembangunan produk atau proses pembuatan. Komited untuk bekerja secara aktif ke arah penghapusan ujian ke atas haiwan terhadap produk kecantikan di seluruh dunia.

ETIKA

- **Perniagaan yang bersifat polos politik:** Tiada sumbangan sumber seperti wang, barang atau perkhidmatan kepada calon atau parti politik.
- **Integriti perniagaan:** Menegakkan standard tertinggi integriti dalam semua interaksi perniagaan, dengan toleransi sifar terhadap mana-mana atau semua bentuk sogokan, rasuah, pemerasan dan penyelewengan.
- **Pendedahan Maklumat:** Mendedahkan maklumat mengikut peraturan yang terpakai dan amalan antarabangsa. Jangan memalsukan rekod atau memutarbelitkan fakta.
- **Perniagaan, pengiklanan dan persaingan yang adil:** Menegakkan standard perniagaan, pengiklanan dan persaingan yang adil.
- **Perlindungan harta intelektual:** Menghormati hak harta intelektual, memindahkan teknologi dan pengetahuan, melindungi hak harta intelektual dan menjaga maklumat pelanggan.
- **Perlindungan privasi:** Melindungi privasi maklumat peribadi menurut undang-undang privasi dan keselamatan maklumat serta keperluan antarabangsa.
- **Perlindungan identiti dan tanpa pembalasan:** Memastikan 'tiada rasa takut terhadap tindakan balas' dan melindungi kerahsiaan dan ketanpanamaan sesiapa yang mengemukakan keimbangan/cadangan.
- **Sumber yang bertanggungjawab:** menyumbang secara aktif untuk mengurangkan kesan negatif ke atas masyarakat dan planet serta mengekalkan rantaian jagaan.
- **Tiada kelebihan yang tidak wajar:** Tiada rasuah secara langsung atau tidak langsung atau cara lain untuk mendapatkan keuntungan yang tidak betul atau tidak wajar.
- **Mengelak konflik kepentingan:** Mendedahkan kepada pihak pengurusan sekiranya terdapat kemungkinan konflik kepentingan yang boleh mempengaruhi atau dilihat mempengaruhi pertimbangan dan tindakan kami.
- **Penerimaan hadiah/hiburan/layanan baik:** Kekal dalam had yang munasabah, mendedahkan semua tawaran kepada pihak pengurusan dan sentiasa tanya diri anda sebab dan kesahihan tawaran itu.
- **Perdagangan orang dalam dan pelanggaran pasaran:** Mematuhi undang-undang dan dasar dalaman untuk pengarah, pegawai, pekerja dan kenalan untuk mengelakkan aktiviti penipuan.
- **Pencegahan pengubahan wang haram:** Memainkan peranan kita dalam memastikan aktiviti kita tidak digunakan untuk pengubahan wang haram daripada aktiviti jenayah.

ALAM SEKITAR

Jangkaan minimum

Prinsip Tatakelakuan Perniagaan yang ditetapkan mewakili matlamat aspirasi dan jangkaan minimum L'OCCITANE Group.

Walaupun aspirasi ini tidak berubah, namun jangkaan minimum Tatakelakuan Perniagaan yang diterjemahkan kepada standard yang boleh disahkan, ia mungkin berubah selaras dengan perubahan dalam masyarakat. L'OCCITANE Group menggalakkan semua pihak melangkaui pematuhan undang-undang bagi memajukan tanggungjawab korporat, etika perniagaan dan kewarganegaraan korporat yang baik.

Undang-undang yang terpakai

Undang-undang terpakai dalam Tatakelakuan Perniagaan ini merujuk kepada undang-undang negeri, kebangsaan, wilayah, tempatan dan domestik, undang-undang umum dan adat, undang-undang pentadbiran, pengawalaturan, peraturan, perintah, tafsiran, permit, piawaian, penghakiman, dekri, injunksi, writ dan perintah mana-mana mahkamah, badan kerajaan atau penimbang tara yang terpakai di negara tempat sesuatu aktiviti dijalankan atau mempunyai kesan. Jika undang-undang terpakai dan keperluan dalam Tatakelakuan Perniagaan ini bercanggah, atau menetapkan piawaian perlindungan yang berbeza, maka prinsip yang memberikan perlindungan tertinggi kepada pekerja dan alam sekitar akan terpakai.

Rantaian nilai

Setiap daripada kita mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi perubahan dalam rantaian nilai melalui aktiviti pembelian dan tingkah laku perniagaan mereka. Hubungan dengan semua rakan kongsi perniagaan mestilah diuruskan secara bertanggungjawab, dan kami mengharapkan perkara yang sama sebagai balasan.

Perkara tersebut memerlukan pendekatan kerjasama di mana setiap perusahaan perniagaan (a) melibatkan rakan kongsi perniagaan masing-masing, (b) mengambil semua langkah yang munasabah dan wajar dalam lingkungan pengaruhnya yang memerlukan pelaksanaan Tatakelakuan Perniagaan ini dan (c) bertukar maklumat untuk mengenal pasti apa-apa cabaran yang memerlukan pengurangan tepat pada masanya.

Tanggungjawab ini mestilah diterapkan dalam pengurusan rantaian nilai untuk mencegah dan menangani sebarang kesan buruk yang mungkin dikesan dalam rantaian nilai. Proses usaha wajar dan pembangunan sistem, dasar dan proses pengurusan yang diperlukan termasuk dalam tanggungjawab ini.

Penglibatan pekerja

Amalan pengurusan yang baik harus diwujudkan yang melibatkan pekerja dan wakil mereka dalam pertukaran maklumat yang baik berkenaan isu di tempat kerja dan membolehkan langkah-langkah sewajarnya diambil untuk melindungi pekerja mengikut aspirasi yang digariskan dalam Tatakelakuan Perniagaan ini. Kecekapan yang mencukupi di kalangan majikan, pengurus, pekerja dan wakil pekerja mesti ada untuk mengekalkan amalan pengurusan yang baik ini. Langkah-langkah tertentu mesti diambil supaya pekerja sedar tentang hak dan tanggungjawab mereka.

Pendidikan dan latihan berterusan pada setiap peringkat organisasi adalah penting untuk memastikan kesedaran dan pemahaman yang jelas tentang Tatakelakuan ini dan tingkah laku berkaitan. Program sedemikian akan dicadangkan secara berkala.

Mekanisme aduan peringkat operasi yang berkesan mesti diwujudkan untuk individu dan komuniti yang berkemungkinan mendapat kesan negatif. Walaupun sistem kehakiman berkesan dan mempunyai sumber yang mencukupi, mekanisme aduan boleh menawarkan kelebihan seperti akses dan pemulihian yang pantas, pengurangan kos dan capaian transnasional.

Komitmen dan kebertanggungjawapan syarikat

Bagi setiap rakan kongsi perniagaan, pernyataan Tatakelakuan Perniagaan yang mengesahkan komitmen untuk mematuhi keperluan Tatakelakuan ini, yang dibenarkan oleh pengurusan eksekutif, mestilah tersedia dalam bahasa yang digunakan oleh pekerja dan diketahui pada permulaan hubungan perniagaan.

Penilaian risiko dan pengurusan risiko

Proses penilaian risiko yang mencukupi dan berkesan mesti disediakan untuk mengenal pasti risiko pematuhan undang-undang, alam sekitar, kesihatan dan keselamatan, amalan pekerjaan dan etika, termasuk menentukan kepentingan relatif setiap risiko dan melaksanakan kawalan prosedur dan fizikal yang sesuai.

Objektif penambahbaikan

Untuk melaksanakan penambahbaikan berterusan, matlamat prestasi bertulis, sasaran dan pelan pelaksanaan untuk penambahbaikan mesti disediakan, termasuk penilaian prestasi berkala dalam mencapai matlamat ini.

Audit dan penilaian

Penilaian kendiri secara berkala perlu dijalankan untuk memastikan pematuhan dengan keperluan undang-undang, dasar dan kontrak. Penciptaan dan penyelenggaraan rekod untuk memastikan pematuhan peraturan dan menunjukkan kesesuaian serta prestasi Tatakelakuan mesti dikekalkan dengan pertimbangan kerahsiaan yang sesuai. Mana-mana entiti rantaian nilai L'OCCITANE Group

mengetepikan hak untuk menafikan akses kepada wakil L'OCCITANE Group untuk mengesahkan pematuhan terhadap keperluan dasar ini dan pelaksanaannya.

Menyuarkan kebimbangan

Saluran pelaporan mestilah dilaksanakan untuk membolehkan pengemukaan soalan atau kebimbangan tentang kemungkinan pelanggaran undang-undang atau prinsip-prinsip Tatakelakuan Perniagaan. Sebagai sebahagian daripada budaya maklum balas kami, bersuara perlu digalakkan dalam persekitaran yang memupuk dan membolehkan tingkah laku beretika di mana pekerja berasa selesa bersuara tanpa rasa takut akan tindakan balas atau kehilangan kerahsiaan, jika dibenarkan oleh undang-undang.

Kegagalan pematuhan

Semua pelanggaran yang serius dan disengajakan terhadap nilai, prinsip dan pelaksanaan yang ditetapkan dalam Tatakelakuan Perniagaan ini boleh mengakibatkan penamatkan hubungan dengan L'OCCITANE Group.